

u B167 AAB
MAHATHIR - SENPADAN

GRIK, 6 JULAI (BERNAMA) -- KERAJAAN AKAN MENGGAKI KEMUNGKINAN MELONGGARKAN ATAU MENGHENTIKAN PERINTAH BERKURUNG DI SEMPADAN MALAYSIA/THAILAND BAGI MEMBOLEHKAN USAHA PEMBANGUNAN DILAKUKAN DI KAWASAN ITU, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA, MAJLIS KESELAMATAN NEGARA AKAN DIMINTA MENGEMUKAKAN LAPORAN MENGENAI TAHAP KESELAMATAN DI KAWASAN SEMPADAN SEBELUM KEPUTUSAN DIBUAT SAMA ADA PERINTAH ITU AKAN DITERUSKAN, DILONGGARKAN ATAU DIHENTIKAN TERUS.

KATA BELIAU, +KALAU KAWASAN ITU TIDAK DIBANGUNKAN, SAMALAH SEPERTI KITA MENYERAHKANNYA KE TANGAN PENGGANAS KOMUNIS.+

KETIKA INI, PERINTAH BERKURUNG DI KAWASAN-KAWASAN BERHAMPIRAN SEMPADAN TERMASUK LEBUHRAYA TIMUR-BARAT BERKUATKUASA ANTARA PUKUL 6 PETANG DAN 6 PAGI.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN PADA PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS MENGADAKAN LAWATAN SEHARI KE SINI, RANCANGAN FELDA GUGUSAN NENERING DAN PULAU BANDING DI DAERAH ULU PERAK BERHAMPIRAN SEMPADAN UNTUK MENINJAU KEMAJUAN PEMBANGUNAN DI KAWASAN ITU. -- LAGI.

1814MST 06 07 89

D421

U B168 A A B
MAHATHIR - SEMPADAN 2 GRIK

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA ANCAMAN KESELAMATAN PADA MASA LEPAS ADALAH HEBAT SEHINGGA KAWASAN ITU DIJADIKAN KAWASAN HITAM DAN TIDAK BOLEH DILALUI LANGSUNG.

+TETAPI SEJAK ITU KERAJAAN BERJAYA SEDIKIT DEMI SEDIKIT MENEWASKAN PENGGANAS KOMUNIS SEHINGGA BOLEH DIKATAKAN TIDAK BERLAKU SEBARANG INSIDEN MELIBATKAN PENGGANAS KOMUNIS PADA MASA INI,+ TAMBAHNYA.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, KERAJAAN PERLU MENELITI SEPENUHNYA KEADAAN KESELAMATAN PADA MASA SEKARANG SEBELUM KEPUTUSAN DIBUAT BERHUBUNG PERINTAH BERKURUNG ITU.

BELIAU BERKATA, WALAUPUN DAERAH ULU'PERAK AGAK JAUH DAN TERPENCIL TETAPI IA BERPOTENSI UNTUK DIMAJUKAN KERANA IA MEMPUNYAI BANYAK SUMBER ALAM, YANG MENURUTNYA, BELUM DIUSAHAKAN KE TAHAP YANG MEMUASKAN LAGI.

PERDANA MENTERI BERKATA, DI SAMPING BAHAN-BAHAN HUTAN SEPERTI ROTAN, KAWASAN ITU JUGA MUNGKIN MEMPUNYAI BANYAK BIJIH EMAS TERUTAMA DI LEMBAH BELUM, YANG JIKA DIUSAHAKAN, BOLEH MEMAJUKAN DAERAH ITU. -- LAGI.

1818MST 06 07 89

D430

U B174 AAB
MAHATHIR - SEMPADAN 3 GRIK

MENURUTNYA, BIJIH EMAS DI SITU TIDAK MUDAH DIKELUARKAN KERANA IA BUKANNYA TERDAPAT DI KAWASAN YANG CETEK TETAPI JAUH DI DALAM TANAH DAN MEMERLUKAN USAHA PERLOMBONGAN YANG TERATUR. LEMBAH BELUM MASIH BERADA DALAM KAWASAN KESELAMATAN.

BELIAU MENAMBAH KATA, KETIKA INI TUGAS MENGGAKI SELIDIK MENGENAI BIJIH ITU DISERAHKAN KEPADA MALAYSIA MINING CORPORATION (MMC).

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA, KEINDAHAN SEMULA JADI DI PULAU BANDING DI TASIK TEMENGGOR BOLEH MENARIK PELANCONG TERUTAMA DENGAN ADANYA KEMUDAHAN MEMANCING IKAN DAN BERMAIN BOT.

POTENSI PELANCONGAN DI KAWASAN ITU MEMANG BAIK TETAPI KEDUDUKANNYA YANG JAUH MEMERLUKAN SUATU STRATEGI UNTUK MENARIK PELANCONG DILAKUKAN SEKARANG, KATANYA.

MENGENAI KEMAJUAN FELDA, PERDANA MENTERI KESAL KERANA LEMBAGA ITU YANG DISIFATKANNYA SEBAGAI SEBUAH BADAN YANG MENGENDALIKAN ESTET TERBESAR DI DUNIA DENGAN KELUASAN 800,000 HEKTAR, MASIH BERGANTUNG KEPADA BANTUAN KERAJAAN. -- LAGI.

1835MST 06 07 89

D442

U B184 A A B
MAHATHIR - SEMPADAN 4 GRIK

+ADALAH **MALANG** SEBUAH SYARIKAT **SEBEGINI** BESAR MASIH MENGHARAPKAN BANTUAN KERAJAAN SETIAP **TAHUN**, SEDANCKAN ESTET-ESTET KECIL YANG TIDAK MENDAPAT BANTUAN KERAJAAN HASIH HAHPU BEROLEH KEUNTUNGAN.

+KEADAAN YANG BERLAKU **DALAM** FELDA ADALAH TIDAK SESUAI DENGAN **AMALAN** PERNIAGAAN SEHINGGA SEBUAH ESTET SELUAS 2 **JUTA** EKAR MASIH MEMERLUKAN BANTUAN UNTUK **BERGERAK**,+ KATA DATUK **SERI DR MAHATHIR**.

BELIAU HEHINTA FELDA HEHBUAT KAJIAN **TENTANG** SKIM RANCANGAN TANAHNYA AGAR USAHANYA BENAR-BENAR MENDATANGKAN HASIL KEPADA **NEGARA**.

+**DUIT** KERAJAAN YANG DIBERIKAN KEPADA **FELDA DATANGNYA** DARIPADA RAKYAT DAN RAKYAT'JUGA HEHERLUKAN BANTUAN DALAM **BIDANG** LAIN,+
KATANYA.

BELIAU **JUGA** HENYENTUH KENYATAAN TIMBALAN **PERDANA MENTERI** ENCIK GHAFAR BABA BARU-BARU INI BAHAWA FELDA PERLU **MENKKAJI** SEMULA SKIMNYA **SUPAYA PENEROKA** P E R L U **TERLIBAT SEJAK PERINGKAT AWAL PEMBUKAAN** SESUATU RANCANGAN **TANAH**. -- **LAGI**.

1858MST 06 07 89

D452

U B190 D E B
HAHATHIR - SEHPADAN 5 GRIK

HENURUT DATUK BERI **DR MAHATHIR**, PENEROKA SEKARANG TIDAKLAH BOLEH DIANGGAP SEBAGAI PENEROKA KERANA KERJA-KERJA PENEROKAAN **TANAH** SEJAK AWAL DILAKUKAN OLEH ORANG **LAIN**.

KATANYA, KERAJAAN HENJALANKAN KERJA **PADA** PERINGKAT **AWAL**, DAN APABILA SEHUANYA SIAP TERHASUK HENDAPAT **HASILNYA**, BARULAH IA **+DIHADIAHKAN** KEPADA PENEROKA UNTUK HENGABIL ALIH **TEMPAT**+

PERDANA HENTERI BERKATA, KEADAAN **INI** HERUGIKAN TERUTAMA DARIPADA **SEGI** LATIHAN UNTUK HEMBANGUNKAN SEHANGAT HENGHADAPI CABARAN DALAM MELAKSANAKAN SESUATU PENGURUSAN LADANG.

MENGENAI LAWATANNYA, BELIAU **BERKATA**, IA MERUPAKAN PERMULAAN KEPADA **SIRI** LAWATANNYA **BAGI** HENINJAU KEMAJUAN PEMBANGUNAN **DI** DAERAH-DAERAH **DI** SELURUH NEGARA.

SEBELUH **ITU**, **PERDANA** HENTERI DIBERI TAKLIMAT PEMBANGUNAN DAERAH ULU PERAK OLEH PEGAWAI DAERAH HAJI **ABDUL HANAF RAHIM**, TAKLIMAT OLEH PENGARAH BESAR FELDA ENCIK HOHD **FADZIL YUNUS** DAN **TAKLIMAT** KEMAJUAN PULAU BANDING OLEH PENGARAH URUSAN KUHPUAN **FIMA BHD** DATUK HAJI **MOHD NOOR ISMAIL**.

BELIAU **JUGA** HENGADAKAN PERTEMUAN DENGAN **PARA** PEGAWAI KERAJAAN DAERAH ITU SEBELUH HAKAN TENGAH HARI **DI** KEH 304 BANDING.

YANG TURUT HENGIRINGI DATUK **SERI DR MAHATHIR** SEMASA LAWATAN ITU IALAH **MENTERI** BESAR PERAK TAN SRI RAHLI NGAH **TALIB**, KETUA SETIAUSAHA **NEGARA**, TAN SRI SALLEHUDDIN MOHAMED DAN TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR **BANDAR**, DATUK TAJOL ROSLI **GHAZALI**. -- BERNAMA.

1916MST 06 07 89